

15/09/1998

Giliran Anwar terima ujian getir

Nik Yahya Ab Rahman

PERISTIWA yang menimpa bekas Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno, Datuk Seri Anwar Ibrahim pada 2 dan 3 September lalu adalah satu ujian dan takdir ketentuan Allah. Sesiapapun tidak boleh menolaknya kerana manusia hanya merancang tetapi takdir dan masa yang menentukannya. Ahli Umno dan rakyat harus menerimanya.

Mungkin pahit, namun sebutir ubat harus ditelan kalau takut barah yang ada merebak dan membawa musibah lebih buruk. Seluruh negara merasakannya. Lebih-lebih lagi, di kalangan ahli Umno yang terlalu kasih dan sayangkan presidennya, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Anwar sendiri sebagai satu gandingan keemasan negara yang sukar dicari ganti.

Anwar harus akur dengan suatu keputusan pahit yang diambil Perdana Menteri terhadapnya. Ahli Umno dan rakyat pula perlu menerimanya dengan hati yang terbuka. Keputusan ini terpaksa dilakukan walaupun ada kalangan ahli Umno terkilan dengan suratan takdir yang menjadi satu sejarah Umno dan politik negara.

Seperti ungkapan ahli veteran Umno, Datuk Dr Rais Yatim, "Takkan tak berkokok ayam seekor hari tak siang", begitu dalam maknanya serta wajar direnungi atau dihalusi.

Sesungguhnya, pembangunan dan keamanan negara perlu dilaksanakan. Harapan rakyat perlu diutamakan. Umno pula perlu kukuh untuk menghadapi kemelut politik yang kian mencabar daripada parti pembangkang. Kemelut ekonomi negara harus ditangani dengan mapan. Krisis mata wang dan kejatuhan nilainya wajar dijadikan agenda nombor satu. Masalah peribadi perlu diketepikan.

Cabaran yang ditangani Umno kini mengembalikan ingatan kepada pengalaman yang dilalui bekas Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Presiden Umno, Datuk Musa Hitam (kini Tan Sri) serta Ghafar Baba (kini Tun) masing-masing pada 1987 dan 1993. Kedua-duanya berasa betapa sedih, gundah dan tertekan terhadap peristiwa yang terpaksa mereka hadapi.

Kedua-duanya menerima keputusan parti dalam menegakkan tiang seri orang Melayu iaitu Umno. Cuma yang berbeza ialah bagaimana mereka tercicir daripada Umno yang sama-sama mereka tatang dengan apa yang Anwar hadapi kini.

Persoalannya, perlukah Anwar mengadakan suatu reformasi sedangkan pada masa yang sama beliau masih mempercayai demokrasi dan musyawarah. Kita tahu kasih sayang Anwar kepada Umno dan Dr Mahathir terlalu menebal. Anwar pun selalu mengakuinya. Ahli Umno yakin bekas Presiden Angkatan Belia Islam Malaysia (Abim) masih mencintai parti yang banyak mencernakan namanya sejak 16 tahun lalu.

Justeru, terlalu sukar untuk Anwar menerima keputusan Dr Mahathir dan Majlis Tertinggi (MT) Umno secara mendadak. Mungkin bagi Anwar, Dr Mahathir yang diakuinya sebagai seorang ayah, guru dan ketua yang terbaik baginya sudah berubah hati. Begitu juga rakan-rakannya dalam MT tidak memerlukannya lagi. Sedangkan, beliau masih muda, berjiwa kental dan masih terlalu banyak agenda pembangunan negara yang perlu sama-sama beliau bereskan bersama Dr Mahathir dan rakannya dalam Kabinet.

Tidak dinafikan Anwar dan keluarganya berasa tertekan dengan takdir yang menimpanya. Perasaan yang sama juga Dr Mahathir lalui pada zaman Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra suatu ketika dahulu. Ketika itu, rakan-rakan Dr Mahathir pun sanggup bercerai kasih dengannya seketika.

Perasaan dan senario yang sama dihadapi Ghafar apabila Anwar mencabarnya

sebagai timbalan presiden Umno pada 1993. Anwar tentu masih ingat dengan tekanan dan tuduhan yang dilakukannya ketika itu. Sedangkan ketika itu, usia Umno (Baru) baru enam tahun. Ramai ahli Umno berasa sekali lagi bala akan menimpa Umno selepas Dr Mahathir begitu bersusah payah menghidupkannya pada 1987.

Kali ini, Dr Mahathir mengambil keputusan yang terlalu sukar demi keadilan dalam Umno. Kita tahu Dr Mahathir sayangkan Anwar. Anwar dijemputnya pada 1982. Anwar diberi jawatan tinggi iaitu Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (JPM). Anwar juga disokong Dr Mahathir ketika berlawanan dengan Datuk Suhaimi Kamaruddin untuk merebut jawatan Ketua Pemuda Umno (1982). Anwar menang tipis dengan 10 undi. Anwar kemudian dinaikkan pangkat begitu cepat kepada jawatan Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (1984), Menteri Pertanian (1985), Menteri Pendidikan (1986) dan Timbalan Perdana Menteri merangkap Menteri Kewangan (1993 hingga 2 September lalu). Justeru, sejarah hitam yang berlaku terhadap Umno selepas ujian getir pada 1987 adalah suratan takdir.

Memetik tulisan Dr Rais - Umno dan kerajaan masih bergegar dengan peristiwa yang berlaku ke atas Anwar. Dr Mahathir sedar perkara itu dan tentunya sudah menjangka masalah yang bakal beliau dan ahli MT lain hadapi. Pelbagai andaian timbul, pelbagai tohmahan wujud dan banyak tuduhan dibuat rakyat dan ahli Umno di seluruh negara.

Seperti dilaporkan, Dr Mahathir menjelaskan kepada pucuk kepemimpinan Umno bahagian pada 8 September lalu bahawa pemecatan Anwar wajar dilakukan. Dr Mahathir mendapati Anwar tidak layak memimpin rakyat. Moral Anwar tidak menggambarkan beliau pernah memimpin gerakan belia Islam suatu ketika dahulu. Dr Mahathir menafikan yang masalah kegawatan ekonomi dan percanggahan pendapat menjadi punca angkara. Beliau mempunyai bukti yang kukuh.

Anwar sudah terlanjur, sedangkan beliau sudah bersumpah dengan nama Tuhan ketika dilantik sebagai Timbalan Menteri, Menteri, Timbalan Perdana Menteri serta ahli MT untuk tidak membocorkan rahsia kerajaan dan parti. Beliau mungkin terlalu emosi dan meluahkan perasaannya kepada CNBC. Mungkin bagi Anwar, kenyataannya tidak memudaratkan tetapi keikhlasan media asing itu diragui. Setakat ini belum nampak kesan terhadap kenyataan itu.

Secara tiba-tiba muncul laman web <http://www.anwar.com.my> yang memuatkan maklumat yang tidak wajar didedahkan kepada umum. Selepas menolak budaya sedemikian ketika dalam kerajaan dan parti, Anwar tentunya bertanggungjawab terhadap kesan negatifnya. Apakah Anwar sanggup terus-terusan begini? Nampaknya Anwar sekali lagi akan bersama-sama pelajar seperti era awal 70-an. Pada 8 September lalu, beliau mengumumkan satu gerakan reformasi bertunjangkan Kebenaran, Keadilan dan Kebebasan diketuai Abim, Jemaah Islam Malaysia (Jim), Persatuan Kebangsaan Pelajar Islam Malaysia (PKPIM) dan Akademi Sains Islam Malaysia (Asasi) yang akan menjelajah ke seluruh negara kononnya untuk memperjelaskan kepada rakyat fakta sebenar di sebalik peristiwa yang menimpanya.

Perlukah Anwar lakukan demikian? Sampai bila? Apakah ini suatu instrumen terbaik untuknya? Apakah Anwar akan mengulangi peristiwa di Baling, Kedah pada 1974? Apakah pelajar akan terikut-ikut berdemonstrasi kerana masalah peribadi Anwar? Fikirlah masak-masak dan jangan terlalu ikutkan perasaan kerana keimanan, ketakwaan dan kesedaran akan kebesaran Allah akan membawa manusia kepada kebenaran.

Anwar adalah seorang yang terdidik dalam perjuangan sejak di zaman persekolahan di Maktab Melayu Kuala Kangsar (MCKK) yang mengeluarkan pemimpin politik, ahli korporat, pemimpin Abim dan beberapa badan bukan kerajaan (NGOs) belia Islam di peringkat antarabangsa. Beliau tentunya dapat menilai mana yang baik dan buruk bagi masa depan politiknya.

Sesungguhnya, jambatan yang dibina Anwar selama ini sudah terbakar. Takdir dan masa akan menentukan sama ada jambatan itu akan terbina lagi. Ahli Umno faham, Umno masih berada di sudut hati Anwar. Walaupun tidak lagi tidur sebantak, mimpi Anwar masih sama dengan ahli Umno lain.

Sesungguhnya, ruang dan masa untuk Anwar kembali kepada Umno masih terbuka, seperti dikatakan Setiausaha Agung Umno, Datuk Sabbaruddin Chik - seseorang yang dipecat Umno boleh memohon untuk menjadi ahli semula selepas tiga tahun.

Selepas sekian lama menghadapi cabaran dengan kemenangan selalu berpihak kepadanya, Anwar harus menerima tindakan terhadapnya oleh kerajaan dan parti suatu ketetapan Tuhan.

(END)